

Lesen Qistna Express digantung kerana langgar syarat keselamatan

KOSMO - 14/7/16 (CM/SS)

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah memulakan proses penggantungan lesen serta 26 permit bas yang dipanggil oleh syarikat Qistna Express Sdn. Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif SPAD, Mohd. Azharuddin Mat Sah berkata, tindakan itu dilakukan



MOHD. AZHARUDDIN

ekoran pelanggaran syarat keselamatan mandatori oleh syarikat tersebut berdasarkan laporan audit SPAD pada 12 Julai lalu.

Pada Ahad lalu, sebuah bas ekspres milik syarikat terbabit juga dilaporkan telah merempuh 10 kenderaan lain di kilometer 265.8 Lebuhraya Utara-Selatan selepas Terowong Menora arah selatan di Ipoh.

"Tindakan ini diambil sementara menunggu hasil siasatan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya yang sedang dijalankan. SPAD memandang serius pema-tuhan keselamatan mandatori oleh pengusaha bas ekspres," ka-

Bas rempuh 10 kereta ketika turun bukit Terowong Menora

11/7 - Sebuah bas rempuh 10 kereta selepas dirempuh ketika bas ekspres yang dipanggil Melayu Menora ketika menuruni bukit setelah Terowong Menora di Kilometer 265.8 Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan di sini semalam.

Di lokasi kejadian berlaku perubahan aliran trafik yang berlaku dalam perjalanan pulang ke Kuala Lumpur. "Insiden tersebut, sebuah bas ekspres Melayu Menora ke bahagian belakang sebuah trapi sebelum merempuh 10 buah kereta," kata pegawai keselamatan.



KERATAN Kosmo! 11 Julai 2016.

tanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Mohd. Azharuddin, tindakan yang dikenakan ke atas syarikat Qistna Express itu adalah sebagai peringatan tegas kepada pengendali bas ekspres lain agar mematuhi Kod Amalan Industri SPAD setiap masa dalam mengutamakan keselamatan pengguna.

Pada Ahad lalu, sebuah bas ekspres milik syarikat Qistna Express telah merempuh 10 kenderaan lain di Kilometer 265.8 lebuhraya berkenaan kira-kira pukul 3 petang. Dalam kejadian itu, dua



RAKAMAN klip video yang menunjukkan sebuah bas merempuh kereta di Kilometer 265.8 Lebuhraya Utara-Selatan di ipoh baru-baru ini.

individu dipercayai berada di dalam kereta pertama dirempuh bas terbabit mengalami kecederaan.

Difahamkan, bas tersebut membawa 28 penumpang, namun pemandu dan kesemua penumpang tidak cedera dalam insiden berkenaan.